Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

Arahan: **Hitamkan** jawapan anda dalam ruangan jawapan yang disediakan.

1. Pernyataan berikut menerangkan asal-usul sejarah.

Sejarah berasal daripada perkataan Arab iaitu *syajaratun*

Apakah maksud *syajaratun*

A Salasilah
B Peristiwa
C Peradaban
D Sumbangan

2. Sejarah merujuk kepada peristiwa masa lalu Yang diperoleh berdasarkan

A Bukti
B Cerita
C Percakapan
D Pemahaman

3. Senarai berikut merujuk kepada sumber Sejarah lazim ditemui.

- Batu Bersurat
- Manuskrip lama

Apakah kepentingan sumber tersebut?

I Memberi bukti
II Membuat cerita
III Mengesahkan mitos
IV Menyalurkan maklumat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Antara berikut, yang manakah sumber primer?

I Risalah
II Manuskrip
III Rangka manusia
IV Jurnal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Pilih pasangan yang betul

	Konsep Masa	Maksud
A	Abad	Jangka waktu seribu tahun
B	Dekad	Jangka masa sepuluh tahun
C	Zaman	Tahun selepas kelahiran Nabi Isa
D	Masihi	Jangka masa yang menpunyai keistimewaan

6. Bagaimanakah benua dan lautan terbentuk ?

A Pembentukan ais
B Pergerakan glasier
C Penurunan suhu bumi
D Pembentukan Pentas Sunda

7. Senarai berikut merupakan contoh tasik yang Wujud dan kekal sehingga kini.

- Great Lakes, Kanada
- Tasik Dayang Bunting, Malaysia

Pembentukan tasik tersebut adalah kesan daripada _____

A Gempa bumi
B Aktiviti manusia
C Kecairan air batu
D Perubahan iklim

8. Pernyaan berikut berkaitan dengan proses Penglasieran.

Berlaku antara 2.5 juta hingga 10 000 tahun dahulu

Proses tersebut berlaku sebanyak

A 8 kali
B 9 kali
C 10 kali
D 11 kali

LIVEWORKSHEETS

9. Sungai Tigris dan Sungai Euphrates dikaitkan dengan tamadun.

A. Mesir

B. Indus

C. Huang He

D. Mesopotamia

10. Apakah maksud Mesopotamia?

A. Tanah yang subur

B. Tanah di antara dua sungai

C. Tanah di kawsan sempadan

D. Tanah yang mendap

11. Apakah fungsi binaan Zigurat dalam tamadun Mesopotamia?

A. Kota pertahanan

B. Pusat pemerintahan

C. Tempat beribadat

D. Pusat ekonomi

12. Mengapakah Herodotus mengatakan bahawa 'Mesir Hadiah Singai Nil'?

A. Membekalkan sumber air

B. Membekalkan makanan

C. Membawa lumpur subur

D. Memudahkan perhubungan

13. Siapakah raja yang terkenal semasa Zaman Kerajaan Baru Mesir?

A. Menes

B. Ramses

C. Imhotep

D. Tutankhamun

14. Apakah tanaman yang diusahakan oleh penduduk di Lembah Sungai Indus?

A. Gandum dan barli

B. Kapas dan oat

C. Barli dan padi

D. Kapas dan padi

15. Apakah faktor yang mempercepatkan kejatuhan Tamadun Indus?

A. Pergerakan plat bumi

B. Gempa bumi dan banjir

C. Kelemahan pemerintah

D. Serangan orang Aryan

16. Mengapakah masyarakat tamadun Huang He tidak menjalankan perdagangan dengan orang luar?

A. Mengamalkan dasar tertutup

B. Kedudukan yang terpencil

C. Kelemahan sistem pengagkutan

D. Kekurangan barang dagangan

17. Apakah kesan kemajuan sistem pertanian dalam tamadun Huang He?

A,. Perkembangan perdagangan

B. Ciptaan kayu dan logam

C. Pertambahan jumlah penduduk

D. Perkembangan sistem pengairan

18. Tamadun yang menghasilkan kertas dan menggunakan dakwat hitam ialah...

A. Mesir

B. Indus

C. Huang He

D. Mesopotamia

LIVEWORKSHEETS

19. Apakah tanggapan penduduk Yunani terhadap binaan Polis?

A. Tanah khas golongan bangsawan

B. Tanah untuk aktiviti pertanian

C. Tanah suci kurniaan dewa

D. Tanah tinggi yang stategik

20. Apakah sistem pemerintahan yang menggantikan sistem Oligarki?

A. Tirani

B. Monarki

C. Demokrasi

D. Aristokrasi

LIVEWORKSHEETS